

Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturut dalam bulan/tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



Seramai 37 Ahli Persatuan Pesara UTM, Skudai termasuk lima orang Ahli Jawatankuasa (AJK) Persatuan Pesara UTM menyertai Program Jom Sehari Bersantai ke Melaka dan Masjid Sri Sendayan, Negeri Sembilan, pada hari Sabtu, 16 Sept 2023 yang dianjurkan Persatuan Pesara UTM.

Ahli Jawatankuasa yang dimaksudkan ialah Hj Roslan Ghani, Ramlah Husain, Haji Jamaludin Harun, Haji Bakri Mohd Dahlan dan Puan Abrizah Abd Rahim

AHLI JAWATANKUASA & BIRO PERSATUAN PESARA UTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun

PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan | Ketua
Haji Bakri Mohd Dahlan
Cik Siti Zaiton Borham

BIRO EKONOMI

Puan Kasumai Masjuriah B. Basar | Ketua
Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris
En. Muhamad Saad Sulaiman
Puan Faridah Hussein
En. Abdul Hadi Othman
En. Othman Adon

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani | Ketua
Haji Zainal Abidin Hassan
Puan Abrizah Abd. Rahim
Puan Ramlah Husin
En. Abdul Wahab Laberahimah
En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismaal Samat | Ketua
Haji Zainul Rashid Abu Bakar
Haji Md Noh Main
En. Mohd Sofian Mohd Amran
Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

MELAKA | 16 Ogos 2023

PROGRAM JOM SEHARI BERSANTAI

Seramai 37 Ahli Persatuan Pesara UTM, Skudai termasuk lima orang Ahli Jawatankuasa (AJK) Persatuan Pesara UTM menyertai Program Jom Sehari Bersantai ke Melaka dan Masjid Sri Sendayan, Negeri Sembilan, pada hari Sabtu, 16 Sept 2023 yang dianjurkan Persatuan Pesara UTM

Sebelum meneruskan perjalanan, Setiausaha Pesara, En Roslan Ghani, membacakan doa semoga dipermudahkan program sepanjang lawatan. Sekitar jam 7.15 pagi bas memulakan perjalanan seperti dijadualkan. Dalam perjalanan awal ini pihak pengangur mengagihkan makanan ringan dan air sebagai pengalas perut.

Perjalanan mengambil masa tiga jam, perhentian pertama kami adalah Amanda Putri's Garden iaitu Ladang Anggur terbesar di Melaka. Di pintu utama peserta program berjalan kaki kira-kira 50 meter disebabkan situasi jalan masuk tidak memboleh bas untuk sampai ke Ladang Anggur berkenaan. Walaupun kami agak lewat sampai tetapi masih ada rezeki untuk kami merasai memetik sendiri Anggur serta menikmati keaslian buah Anggur tempatan. Selain ladang anggur, pengusaha Melayu tempatan ini turut menanam pokok buah Tin, sejak dua tahun lalu. Bahkan, pengusaha ini turut menghasilkan benih anak-anak pokok Anggur serta baja bagi yang berminat menanam sendiri.

Sempena Tahun 2024 Tahun Melawat Melaka Bandaraya Bersejarah yang pastinya satu sejarah dalam hidup kami untuk sampai ke ladang Anggur berkenaan.






Masjid Sri Sendayan

terletak di Bandar Sri Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan dikhaskan telah beroperasi memasuki tahun ke-3 kepada Umat Islam untuk menunaikan Solat Lima waktu dan lain-lain. Masjid ini mampu menampung seramai 3,000 jemaah dalam satu masa. Di lengkapi Dewan Solat utama, Dewan Solat ke 2 dan Dewan Solat wanita yang boleh menempatkan 800 jemaah. Terdapat juga sebuah Dewan serbaguna antaranya mengadakan Majlis perkawinan dan pelbagai aktiviti lain. Masjid yang dilengkapi pelbagai kemudahan iaitu dua tempat wuduk di luar dewan serta laluan bagi jemaah lelaki dan wanita.

Operasi Masjid bergantung sepenuhnya daripada Dana diperolehi melalui sumbangan orang ramai. Daripada dana inilah digunakan untuk membayai gaji kakitangan, bil elektrik, air, internet, kos penyelenggaran masjid serta landskap.

Pengerusi Masjid itu, Tan Sri Abdul Rashid Hassan, yang dilantik 1 September 2022, ingin melaksanakan bagi memperkasa fungsi dan peranan masjid serta meningkatkan imejnya untuk menjadi contoh yang baik selaku pusat ibadat dalam negara, bukan saja dari segi operasi tetapi kualiti pengisian program dan ketulusan dalam urusan pentadbiran terutama Sistem kewangan.





Sungai Melaka & Kampung Morten

Sungai Melaka : Sebagaimana kita sedia maklum, sejak dulu lagi bahawa sungai merupakan tempat yang amat penting dalam sesebuah tamadun, seperti Sungai Kuning atau Sungai Hwang Ho untuk tamadun Hwang Ho. Begitu juga dengan sungai ini, yang penuh dengan sejarah kegemilangan empayar Kesultanan Melayu Melaka. Sehingga kini, sungai ini masih mempunyai nilai sejarah yang tersendiri kerana kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk mengekalkan penempatan, perniagaan, perkapanan, pelabuhan dan kawasan perkuburan di kawasan berkenaan.

Sungai ini jarak pergi dan balik 9 kilometer dan masa perjalanan kurang 30 minit, tapi waktu malam berbeza sedikit Perkhidmatan bot menyeluruh menghidupkan aktiviti sepanjang tebingnya sama ada bermula dari Taman Rempah ataupun dari Munara Sungai Melaka bersebelahan Muzium Kapal. Persisiran tebing sungai dibina laluan pejalan kaki yang mesra pengguna dan dikala malam suasana amat menarik untuk dikunjungi kerana sinar dan suluhan lampu-lampu hiasan dipasang. Bangunan lama yang usang ketika dahulu kini berubah wajah dengan wajah baru menghadap ke sungai. Ada bangunan yang dilukis mural besar bertemakan sejarah kegemilangan Melaka dari dulu hingga kini. Jika sekadar ingin melancong, pastikan anda datang waktu siang dan malam kerana suasannya amat berbeza sama sekali untuk anda lepaskan. Walaupun kami rombongan hanya dapat mengnikmati keindahan waktu siang (petang) itu suatu yang akan kekal dalam ingatan. Bagi mereka yang ingin kesana harga tiket untuk 'River Cruise'.

Dewasa (warga negara) RM25.00

Dewasa (pelancong Asing) RM30.00

Kanak-kanak (Warga negara) RM15.00

Kanak-kanak (pelancong Asing) RM25.00

Waktu operasi:

9.00 - 11.30 mlm





Masjid Cina

Masjid Cina Melaka (al-Muttaqin) adalah antara tujuh (7) Masjid yang di kendalikan Kerajaan Negeri Melaka. Keunikan Seni Bina dan hiasnya menampilkan ia umpama sebuah Istana lama, yang sering kelihatan di negara Cina. Masjid ini adalah Masjid ke-3 berciri Seni Bina Cina di Malaysia, selain di Kelantan dan Perak. Ia telah di bangunkan Oleh Persatuan Cina Muslim Melaka. Siap di bina April Tahun 2014 dengan Kos pembinaan RM7.5 juta dan mampu menempatkan 1,500 jemaah dalam satu masa. Masjid al-Muttaqin turut dilengkapi, bilik tetamu kenamaan, pejabat pentadbiran, bilik mesyuarat, selain kemudahan tandas dan tempat wuduk selesai serta tempat letak kenderaan yang luas berhampiran Masjid. Masjid ini menjadi tumpuan pelawat serta pelancong dalam dan luar negara terutama hujung minggu serta cuti am.

